

Galeria Sri Perdana pusat pelancongan

20 DEC 2003

KUALA LUMPUR 19 Dis. —
Galeria Sri

Perdana di sini yang akan dibuka mulai 21 Disember ini akan menjadi satu lagi pusat pelancongan penting di negara ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, galeria tersebut mampu menarik pelancong untuk menghayati jasa Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu memimpin negara.

“Penubuhannya bertujuan sebagai memperingati dan mengenang jasa Dr. Mahathir sepanjang 22 tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Memperingati

“Memanglah, beliau tidak suka orang mengagungkannya. Tetapi ini adalah sebagai tanda memperingati sumbangannya yang terlalu besar kepada negara,” katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Galeria Sri Perdana di sini, hari ini.

Katanya, selain menjaga, menyimpan dan memelihara khazanah berkaitan Dr. Mahathir, galeria tersebut akan menjadikan Sri Perdana sebuah kediaman Perdana Menteri yang kekal sebagai satu peninggalan sejarah.

Galeria Sri Perdana akan dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada Ahad ini dan majlis perasmianya akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi esok.

Sambutan

Ketika mengulas mengenai sambutan terhadap bangunan memorial dan galeria yang selalunya hanya mendapat sambutan pada peringkat awal, kata Kadir, pihaknya akan memperbaiki dan meningkatkan pakej-pakej pelancongan domestik untuk menggalakkan orang ramai melawat ke tempat-tempat berkenaan.

“Ini termasuk menggalakkan program pelancongan pelajar untuk sekolah-sekolah yang meliputi lawatan ke bangunan-bangunan memorial dan galeria.

“Melalui program sebegini kita berharap sambutan untuk tempat-tempat begini akan berterusan,” katanya.

Katanya, penggalakan kempen itu adalah sebahagian daripada kempen Cuti-Cuti Malaysia 2004/2005 yang akan dilancarkan tidak lama lagi.